

27/09/2003

Imej PBB kini terburuk (HL)

Hafifi Hafidz

NEW YORK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, apa yang berlaku dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hari ini adalah yang paling buruk pernah disaksikannya sejak lebih 20 tahun menjadi Perdana Menteri.

"Ya, barangkali inilah yang hampir kepada yang paling buruk. Pada masa lalu PBB taklah sampai tidak dipedulikan dan diketepikan begitu saja seperti hari ini," katanya ketika ditanya wartawan apakah peranan PBB hari ini sesuatu yang paling buruk pernah beliau saksikan.

Pada sidang media yang dihadiri wartawan asing dan Malaysia selepas membentangkan ucapan terakhirnya sebagai Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung PBB ke-58 di sini kelmarin, Dr Mahathir berkata, dalam banyak isu dan tindakan ia bukan saja tidak diluluskan anggota PBB, malah dalam banyak hal badan dunia itu sendiri dibelakangkan.

Dr Mahathir berkata, dua kuasa besar dalam Majlis Keselamatan PBB mengambil tindakan yang tidak disekat oleh badan itu.

Disebabkan bimbang cadangan menakluk Iraq diveto oleh tiga lagi negara kuasa tetap iaitu China, Perancis dan Russia, maka Britain dan Amerika Syarikat meneruskan hasratnya dengan mengetepikan Majlis Keselamatan.

Sehubungan itu, tegas Perdana Menteri, usaha mengembalikan semula wibawa PBB memerlukan masa panjang apatah lagi untuk disusun semula.

Bagaimanapun, beliau yakin ia dapat dibuat jika semua anggota PBB tidak henti-henti mengemukakan pelbagai desakan.

"Semua negara anggota PBB perlu lantang mendesak untuk mengubah veto kuasa besar yang sudah banyak kali memenangi peperangan sejak 50 tahun lalu. Jika tidak, apa jua sukar dilakukan dan PBB masih pada tahap lama," katanya.

Kali pertama Dr Mahathir berucap ialah pada Perhimpunan Agung PBB ke-10 sesi 37 pada 29 September 1982. Perdana Menteri begitu lantang mempertikaikan pelbagai keputusan yang dibuat oleh kuasa besar tanpa mengambil kira kepentingan negara kecil dan lemah.

Sehubungan itu, beliau mendesak perubahan secara besar perlu dibuat dalam PBB supaya badan dunia itu terus dihormati.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, di sebalik PBB dikatakan badan dunia yang demokratik, pembaharuan dan penyusunan semula sukar dibuat berikutan kemungkinan sebarang cadangan mengenai perkara itu akan diveto oleh kuasa tetap lima negara.

Selain Amerika dan Britain, tiga negara kuasa tetap lain ialah Perancis, Jerman dan China.

"Kita tidak boleh bergerak ke mana-mana kecuali jika lima negara kuasa tetap mahu menerima hakikat bahawa apa yang berlaku di PBB sekarang adalah tidak demokratik.

"Oleh kerana mereka adalah demokrat atau mengakui menganutnya, mereka sekurang-kurangnya mendengar kehendak majoriti. Hanya dengan cara itu kita akan dapat melihat pembaharuan semula dalam PBB," katanya.

Dalam ucapannya di PBB kelmarin, Dr Mahathir mencadangkan kuasa veto satu negara yang kini boleh menolak sebarang keputusan PBB, diubah suai kepada dua kuasa veto dengan tiga yang lain memberi sokongan sepenuhnya.

"Cara itu saya akui masih tidak demokratik tetapi ia secara perlahan-lahan mengarah kepada penyelesaian yang lebih demokratik dan dihapuskan apabila sesuatu yang lebih baik dapat diwujudkan. Sekurang-kurangnya cadangan itu lebih baik daripada sebuah negara dengan mudah saja menolak keputusan 190 negara anggota yang lain," katanya.

Mengenai cadangan supaya keanggotaan Majlis Keselamatan ditambah, Perdana Menteri berkata, ia tidak bermakna walaupun bertambah kepada 100 negara jika masih ada negara kuasa besar memiliki veto.

"Kita amat mengharapkan kuasa besar tahu apa yang mereka lakukan lebih-

lebih lagi merekalah yang membuat peraturan bagaimana negara anggota itu perlu patuh dalam PBB. Seharusnya mereka menghormati ketetapan itu dan bukan mengetepikan PBB," katanya.

Mengakui beliau banyak menggambarkan masa depan dunia yang semakin gelap apabila menyentuh soal PBB, Dr Mahathir berkata, apa yang berlaku di Iraq kini amat jelas. Penaklukan terhadap negara itu dibuat kononnya atas sebab memerangi keganasan.

"Sebelum masalah Palestin diselesaikan kini timbul pula isu Iraq. Kita selalu tegaskan kepada mereka (kuasa besar) untuk melihat apakah kesan kepada sesuatu tindakan mereka di samping hanya mahu selesai masalah. Seheingakan mereka tidak suka dengar dan minta kita tutup mulut jangan cakap mengenai kesan.

"Kesan inilah yang saya selalu cakap. Walaupun tidak tahu macam mana nak selesaikan, hakikatnya apa yang kuasa besar buat tidak dapat tidak adalah sesuatu yang perlu dinyatakan." katanya.

Mengenai Iraq, Dr Mahathir berkata, PBB kini terperangkap dalam dua situasi yang berbeza. Di sebalik cakap PBB tidak didengar sebelum penaklukan berlaku, kini mereka dipertanggungjawabkan pula untuk mengawasi dan membangunkan negara bekas perang itu.

Menegaskan Malaysia tidak akan menghantar tentera pengamannya ke Iraq kecuali di bawah panji-panji PBB, Dr Mahathir berkata, ramai beranggapan Iraq akan lebih baik selepas Presiden Saddam Hussein dijatuhkan tetapi kini keadaan adalah di sebaliknya. Ini diburukkan dengan golongan Syiah, Sunni dan Kurdish masing-masing mahu berkuasa.

"Kita bukan sokong Saddam tetapi sekurang-kurangnya ketika beliau memerintah, keadaan negara itu stabil dan ada kerajaan," katanya.

Menjawab soalan sama ada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang mana Malaysia adalah pengerusinya, boleh dijadikan alat mengeratkan perpaduan Islam yang tidak kukuh hari ini, Dr Mahathir berkata, ia adalah landasan yang baik tetapi mempunyai pelbagai masalah.

"Orang Islam kini lemah dan berpecah disebabkan berbeza pendapat dan tanggapan terhadap Islam. Ditambah pula dengan perpecahan dalam sesebuah negara dan parti politik. Jika semuanya bersatu walaupun untuk menyelesaikan satu isu, mereka boleh memainkan peranan dan pengaruh menyelesaikan masalah seperti apa yang berlaku di Iraq.

"Persoalannya ialah sejauh mana wujud keikhlasan untuk bekerjasama sesama negara Islam dan menggunakan sumber harta yang ada untuk melindungi kepentingan orang Islam. Setakat ini mereka tak berupaya berbuat demikian," katanya.